

dilaksanakan oleh Jabatan sendiri untuk menyiapkannya. Segala kos dan perbelanjaan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh Kontraktor.

16.2.5. P.P. dan wakil-wakilnya, perlu mematuhi Arahan Perbendaharaan 202 bagi pengeluaran Arahan Perubahan Kerja yang mensyaratkan bahawa kelulusan daripada Pihak Berkuasa/Jawatankuasa Arahan Perubahan Kerja yang berkenaan mesti diperolehi terlebih dahulu sebelum Arahan Perubahan Kerja dikeluarkan².

16.2.6 Perkara-perkara berikut juga dikecualikan daripada keperluan untuk mendapatkan kelulusan terdahulu di bawah Arahan Perbendaharaan 202:

- (a) Tuntutan Kontraktor bagi kerugian dan/atau perbelanjaan yang berpunca daripada :-
 - (i) mematuhi arahan P.P;
 - (ii) kelambatan yang disebabkan oleh Kerajaan; dan
 - (iii) percanggahan dalam atau di antara dokumen-dokumen Kontrak.
- (b) Tuntutan Kontraktor bagi fee dan caj untuk memasang sambungan tetap dan pemindahan kepada pembentungan awam, bekalan air, dan elektrik.
- (c) Tuntutan-tuntutan lain yang dibenarkan secara khusus di dalam Kontrak.
- (d) Pelarasan Harga Kontrak bagi atau disebabkan oleh:-
 - (i) Pelarasan Wang Kos Prima dan Wang Peruntukan Sementara;
 - (ii) Pengukuran semula Kuantiti Kerja bagi Kuantiti Sementara yang diperuntukkan dalam Kontrak; dan
 - (iii) Perubahan turun naik harga (V.O.P).

² Surat Arahan KPKR Bil 5/2008 (29)d/m. JKR:KPKR.020.050/ 03 Klt. 8 bertarikh 24 Oktober 2008 - Peraturan Mengenai Arahan Perubahan Kerja dan Pelarasan Harga Kontrak